

**Adik Najib tubuh parti, abang-adik berpolitik perkara biasa, kata pemimpin Umno**  
**The Malaysian Insider**  
**Jun 17, 2015**  
**Oleh Md Izwan**

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Reezal Merican tidak melihat langkah adik perdana menteri, Datuk Seri Nazir Razak, yang dilaporkan mahu menubuhkan parti politik baharu, sebagai suatu masalah, dan berkata ia perkara biasa dalam politik negara di mana terdapat adik dan abang yang menyertai parti politik berlainan.

Reezal, yang juga ahli Parlimen Kepala Batas, berkata Malaysia sebuah negara demokratik dan seseorang bebas menyertai mana-mana parti politik.

"Kita dalam sebuah negara yang mengangkat prinsip demokrasi, saya rasa tidak ada isu tentang itu," kata Reezal ditemui pemberita di Parlimen pagi tadi.

Bagi Reezal, ia bukan luar biasa, bahkan baru-baru ini terdapat sebuah parti yang ditubuhkan oleh bekas ahli pemimpun Umno, Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

"Saya rasa trend ini bukan sesuatu yang luar biasa, ia suatu perkara biasa di mana semua orang mempunyai hasrat untuk menubuhkan parti politik.

"Baru-baru ini, kami lihat terdapat parti yang ditubuhkan oleh Sheikh Fadzir. Semua adiknya adalah ketua bahagian Umno, malah beliau adalah sudah lama menjadi ahli Majlis Tertinggi Umno," katanya.

Ditanya sama ada langkah adik Datuk Seri Najib Razak itu akan memberi impak terhadap lanskap politik negara, Reezal tidak menolaknya kerana Nazir memiliki legasi sebagai anak kepada perdana menteri kedua negara, Tun Abdul Razak Hussein.

"Nazir tidak pernah berada dalam arena politik negara, tapi Nazir membawa nama besar, pastinya kerana beliau adalah anak Tun Abdul Razak, bekas perdana menteri dan negarawan.

"Pastinya beliau mempunyai impak dan kesan jika meneruskan langkahnya itu," kata Reezal.

Reezal berkata sesebuah parti perlu mempunyai teras dan dasar yang kukuh supaya kekal lama dalam lapangan politik.

"Di Malaysia, parti politik mempunyai sejarah. Sesebuah parti tidak boleh dibentuk hanya kerana rasa tidak puas hati. Ia mestilah berasaskan teras dan dasar kukuh.

"Perkara ini demi memastikan kelangsungan sesebuah parti itu," katanya memberi contoh parti serpihan Umno, Semangat 46.

Portal berita Asia Sentinel hari ini melaporkan Nazir kini dalam usaha menubuhkan sebuah parti baharu melibatkan semua kaum.

Menurut laporan itu, pengerusi CIMB Group itu giat bertemu beberapa tokoh perniagaan di United Kingdom dan Kuala Lumpur bagi membincangkan rancangan itu dalam usaha menamatkan "politik perkauman yang memecah belah". – 17 Jun 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/adik-najib-tubuh-parti-abang-adik-berpolitik-perkara-biasa-kata-pemimpin-um>